



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK: KASIH KANAK-KANAK PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2024

**CHEMOR, 2 SEPTEMBER** – YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini, telah menyempurnakan pelancaran Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak Peringkat Negeri Perak Tahun 2024 bertempat di Sekolah Kebangsaan Seri Kelebang, Chemor, Perak.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terus komited dalam usaha menangani isu penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak. Hal ini kerana, kanak-kanak merupakan aset penting yang bakal mencorak masa hadapan negara. Berdasarkan statistik JKJ, bilangan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan meningkat secara drastik pada tahun **2023** iaitu sebanyak **8,041 orang** berbanding **6,770 orang** pada tahun **2022** dan **6,144 orang** pada tahun **2021**. Manakala pada **Januari sehingga Jun 2024** telah mencatatkan sejumlah **3,957 orang** kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

Dalam pada itu, di negeri Perak, statistik JKJ menunjukkan sebanyak 473 kes melibatkan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 176 kes melibatkan kanak-kanak yang diabaikan oleh ibu bapa atau penjaga. Manakala 112 kes pula melibatkan kanak-kanak yang dcederakan dan dianiaya secara seksual. Sementara kanak-kanak yang dcederakan dan dianiaya secara fizikal sebanyak 58 kes. Pada tahun 2024 sehingga Mei sebanyak 288 kes melibatkan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan telah direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak.

Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: K.A.S.I.H Kanak-Kanak yang dilaksanakan hari ini adalah inisiatif KPWKM yang bertujuan untuk menangani dan mencegah kes penderaan serta pengabaian kanak-kanak, termasuk kes-kes yang membawa kepada kematian. Program ini melibatkan ceramah dan pameran agensi yang memberikan maklumat penting kepada masyarakat dan kanak-kanak, khususnya mengenai langkah-langkah yang perlu diambil jika terdedah kepada penderaan. Sebagai sebahagian daripada usaha memperkasakan kanak-kanak, program ini akan dilaksanakan di 300 buah sekolah di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2024.

Melalui program advokasi ini, KPWKM menyeru kepada orang ramai khususnya kanak-kanak, untuk memanfaatkan sistem Talian Kasih 15999 atau Whatsapp 019-2615999 sekiranya terdapat sebarang kes penderaan atau pengabaian yang melibatkan anggota masyarakat, komuniti khususnya kanak-kanak. Masyarakat juga boleh membuat aduan melalui aplikasi mobil Talian Kasih yang beroperasi 24 jam sehari tanpa henti.

Turut serta dalam majlis ini ialah, YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) Jabatan Kebajikan Masyarakat, YBrs. Puan Nor Tipah binti Majin Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak, pegawai-pegawai kanan KPWKM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Agensi.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
2 September 2024**